

D233

U B995 DEB  
MAHATHIR - PERTANIAN R R R

KUCHING, 20 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA PARA PETANI TRADISIONAL HENDAKLAH MENCANTUMKAN KAWASAN TANAMAN DAN PERTANIAN MEREKA UNTUK MENGHASILKAN PENGELUARAN DAN PENDAPATAN YANG TINGGI.

KATANYA, KAWASAN TANAMAN YANG LUAS DAN PENGGUNAAN KAEDAH SERTA JENTERA PERTANIAN YANG MODEN PENTING BAGI MENINGKATKAN PENGELUARAN NEGARA.

PENGELUARAN NEGARA AKAN MENINGKAT LEBIH TINGGI JIKA BERATUS-RATUS RIBU HEKTAR TANAH PERTANIAN PETANI TRADISIONAL DICANTUMKAN UNTUK PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU, KATANYA KETIKA MERASMIKAN PELANCARAN HARI PELADANG DAN NELAYAN KEBANGSAAN DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA KEADAAN ITU JUGA AKAN MENJADIKAN NEGARA SEBAGAI SEBUAH NEGARA PERTANIAN YANG MODEN DAN MAJU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH PARA PEMILIK TANAH PERLU MEMBERI KEUTAMAAN TERHADAP HASIL YANG MEREKA AKAN PEROLEHI DARIPADA HANYA MEMIKIRKAN TENTANG NILAI SENTIMEN MEREKA TERHADAP TANAH TERSEBUT. -- LAGI

1333MST 20 08 87

U B996 DEB  
MAHATHIR - PERTANIAN 2 KUCHING R R R

SIKAP YANG HANYA MEMENTINGKAN SENTIMEN SERTA CINTA TERHADAP TANAH TANPA MENGIRA HASIL PENDAPATAN DARIPADANYA, BUKAN SAHAJA AKAN MEMBANTUTKAN USAHA KERAJAAN UNTUK MENINGKATKAN PENGELUARAN NEGARA BAHKAN MERUGIKAN MEREKA SENDIRI, KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA DI SAMPING ITU, PETANI JUGA PERLU MEMPELBAGAIKAN HASIL TANAMAN UNTUK MENAMBAHKAN HASIL EKONOMI NEGARA SERTA MENAMPUNG KEPERLUAN TEMPATAN DAN LUAR NEGERI.

BELIAU MENGINGATKAN PARA NELAYAN AGAR BERSEDIA UNTUK MENANGKAP IKAN DI KAWASAN LEBIH JAUH DARI PANTAI UNTUK MEMASTIKAN HASIL TANGKAPAN YANG BANYAK.

LANGKAH POSITIF DALAM BIDANG PERTANIAN DAN PERIKANAN SERUPA ITU AMAT PENTING UNTUK MEMASTIKAN HASIL YANG MENCUKUPI UNTUK PENDUDUK NEGARA, YANG DIANGGARKAN AKAN MENCAPAI 70 JUTA DALAM MASA 20 TAHUN AKAN DATANG, KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI JUGA MEMBIDAS GOLONGAN TERTENTU TERUTAMA MEREKA DARI NEGARA ASING YANG CUBA MEMPERALATKAN KAUM YANG BELUM BEGITU MAJU DI NEGARA INI SEBAGA BAHAN KAJIAN DAN +BAHAN MUZIUM+ MEREKA. -- LAGI

1341MST 20 08 87

U B997 DEB  
MAHATHIR - PERTANIAN 3 KUCHING

KATANYA, GOLONGAN ITU HANYA MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI SEKALIPUN MEREKA BERPURA-PURA BERJUANG UNTUK KAUM BERKENAAN DAN KERANA ITU RAKYAT PERLU BERHATI-HATI SUPAYA TIDAK TERPERANGKAP DENGAN TIPU MUSLIHAT MEREKA.

KERAJAAN, KATANYA, INGIN SEMUA KAUM DI NEGARA INI SEPERTI PENAN, CINA ATAU BAJAU MENIKMATI HASIL PEMBANGUNAN DARIPADA SEMUA SEGI DEMI KEMAKMURAN NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIAN MERASMIKAN PEMBUKAAN PAMERAN PERTANIAN/PERIKANAN DI BANGUNAN SEKETARIAT NEGERI YANG BERHAMPIRAN DAN MELAWAT GERAI-GERAI DI PAMERAN ITU.

MENTERI PERTANIAN, DATUK SERI SANUSI JUNID DAN KETUA MENTERI, DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD IALAH ANTARA 1,200 ORANG DARI SELURUH NEGARA YANG MENGHADIRI MAJLIS ITU.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR, DATUK SERI SANUSI SERTA ISTERI MASING-MASING DIBERI SAMBUTAN MERIAH SETIBANYA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUCHING. -- LAGI

1343MST 20 08 87

U 0005 DEB  
ULANGANRRRR  
MAHATHIR - PERTANIAN 4 KUCHING

DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB, DALAM UCAPANNYA SEBELUM ITU, BERKATA PERTANIAN MERUPAKAN SEKTOR UTAMA YANG MENJANJIKAN KEKUATAN EKONOMI DAN KEMEWAHAN HIDUP RAKYAT DI SARAWAK SELEPAS TEMPOH DUA DEKAD DARI SEKARANG.

SEKTOR ITU DIKENALPASTI SEBAGAI SATU-SATUNYA AKTIVITI YANG MEMPUNYAI MASA DEPAN YANG CERAH DAN BERKEKALAN DI NEGERI INI DAN ATAS KESEDARAN ITULAH KERAJAAN MELANCAR DAN MEMPERTINGKATKAN USAHA KE ARAH MEMAJUKAN SEKTOR PERTANIAN DI SARAWAK BAGI MENENTUKAN IA SEBAGAI AKTIVITI YANG MENGUNTUNGAN SERTA KUKUH DARIPADA SEGI EKONOMI, KATANYA.

MENURUT BELIAU, SATU DASAR PERTANIAN MODEN YANG DAPAT MENGUBAH SEKTOR PERTANIAN KEPADA YANG LEBIH KOMERSIAL DAN MENGUNTUNGAN PERLU DILAKSANAKAN SEBAGAI LANGKAH MENGUKUHKAN LAGI AKTIVITI PERTANIAN DI SARAWAK.

TERDAHULU, DATUK SERI SANUSI BERKATA BAHAWA HASRAT PARA PETANI DAN NELAYAN UNTUK MAJU DALAM BIDANG DAN KEGIATAN MASING-MASING MEMERLUKAN PENGORBANAN YANG BESAR.

KATANYA, PENGORBANAN ITU TERMASUK KEGIGIHAN MENGUSAHA AKTIVITI MEREKA SERTA MENGURANGKAN PENGGANTUNGAN KEPADA BANTUAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN DI SAMPING BERANI MENCUBA PELBAGAI PENDEKATAN BARU DALAM AKVITIVITI MASING-MASING SUPAYA HASIL PENGELUARAN DAN TANGKAPAN DAPAT DITAMBAH, KATANYA. -- BERNAMA  
1446MST 20 08 87